

### BAB 10

Saya bersetuju bahawa kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pelarian ke negara kita memberi implikasi terhadap sosial dan ekonomi serta berupaya mengancam ketenteraman dan keselamatan negara.

Kebanjiran PATI dan pelarian membawa kepada peningkatan kadar jenayah. Hal ini kerana ketiadaan pekerjaan mendorong PATI dan pelarian melakukan aktiviti jenayah bagi mendapat sumber kewangan seperti merompak, pecah rumah, ragut dan samun bersenjata.

Selain itu, kemasukan PATI berkait rapat dengan kegiatan pemerdagangan orang dan penyeludupan pelarian. Hal tersebut menyebabkan berlaku eksploitasi sindiket yang menyalahi undang-undang negara seperti kegiatan pelacuran, perkhidmatan paksa, perhambaan dan pemindahan organ manusia.

Peningkatan kadar jenayah dan kegiatan menyalahi undang-undang tersebut menggugat kesejahteraan hidup rakyat dan mengancam keamanan dalam negara mendorong kerajaan melaksanakan Ops Benteng bagi mengekang kemasukan PATI.

Seterusnya dari aspek kesihatan, kebanjiran golongan tersebut membawa penyakit berjangkit ke dalam negara kerana warga asing tidak melalui pemeriksaan kesihatan semasa memasuki Malaysia. Hal ini menyebabkan kawalan kesihatan di negara kita terjejas dan mendatangkan kesan kepada rakyat tempatan seperti penularan penyakit tibi, kusta, malaria, AIDS dan kebimbangan mencetuskan kluster Covid-19.

Lambakan warga asing juga mewujudkan persaingan ekonomi dengan warga tempatan. Hal ini kerana PATI dan pelarian diambil bekerja kerana upah yang rendah berbanding pekerja tempatan yang menyebabkan warga asing memonopoli pelbagai sektor ekonomi seperti perladangan, pembuatan dan pembinaan. Terdapat juga warga asing membuka premis perniagaan secara haram tanpa kelulusan pihak berwajib. Mereka terlepas daripada membayar cukai kepada kerajaan yang menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan peniaga tempatan.

Kesan berikutnya ialah kos tinggi untuk menguruskan PATI dan pelarian boleh menjejaskan ekonomi negara. Hal ini kerana pelbagai operasi membanteras PATI dan pelarian oleh Jabatan Imigresen dan PDRM termasuk kos penghantaran PATI dan pelarian ke negara asal mereka serta kos menangani penularan wabak penyakit berjangkit yang dibawa oleh warga asing.

Tuntasnya, PATI dan pelarian merupakan isu global kerana melibatkan kes rentas sempadan dan pelanggaran hak asasi manusia selain membawa pelbagai kesan politik, ekonomi dan sosial kepada negara. Kerajaan memperkasakan Akta ATIPSOM 2007 (Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, 2007) dalam usaha membanteras kegiatan tersebut bagi memelihara kedaulatan negara.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)*

*(Maksimum = 8 markah)*